



KERAJAAN MALAYSIA

Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK8 KETIDAKPATUHAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.....	2
1. Tindakan Tatatertib Ke atas Syarikat Dan Firma Perunding Yang Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan.....	2
2. Jenis-Jenis Tindakan/Hukuman Tatatertib	7
3. Tindakan Oleh Agensi.....	9
4. Aduan Oleh Agensi/Pengadu	9
LAMPIRAN	10

PK8 KETIDAKPATUHAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Bahagian ini menerangkan mengenai tindakan tatatertib yang akan dikenakan ke atas individu, syarikat, firma perunding dan pertubuhan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi kesalahan yang dilakukan oleh syarikat dan firma perunding.

1. Tindakan Tatatertib Ke atas Syarikat Dan Firma Perunding Yang Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan

(i) Jenis-Jenis Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Syarikat Dan Firma Perunding

(a) Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Pendaftaran

(1) Memalsu atau meminda maklumat/dokumen

- (i) Syarikat/Firma Perunding telah mengemukakan/menggunakan maklumat palsu atau tidak benar dalam permohonan sama ada pendaftaran baru atau pembaharuan atau tambah bidang atau bagi tujuan pengiktirafan taraf pembuat;
- (ii) Syarikat/Firma perunding telah memalsukan atau meminda apa-apa catatan di dalam Sijil Akaun Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan;
- (iii) Syarikat/Firma perunding telah memalsukan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam syarikat/firma perunding dengan tujuan untuk mendapat taraf Bumiputera; atau
- (iv) Premis syarikat/firma perunding tidak dapat dikesan/dijumpai semasa lawatan mengikut maklumat yang diisytiharkan dalam pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.

(2) Memperdaya untuk taraf Bumiputera

Syarikat yang telah diberi pengiktirafan Bumiputera berasaskan kepada dokumen yang dikemukakan, didapati tidak memenuhi syarat pengiktirafan pendaftaran taraf Bumiputera apabila dibuat pemeriksaan.

(3) Membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran digunakan oleh individu/syarikat/firma perunding lain

Syarikat/Firma perunding membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan untuk digunakan oleh individu/syarikat/firma perunding lain untuk apa-apa tujuan perolehan Kerajaan.

(4) Gagal mematuhi syarat pendaftaran

Syarikat/Firma perunding gagal memenuhi syarat/kriteria pendaftaran kod bidang yang ditetapkan iaitu:

- (i) Gagal memenuhi syarat/kriteria pendaftaran kod bidang yang ditetapkan sepanjang tempoh sah pendaftaran; dan/atau
- (ii) Syarikat/Firma perunding/individu gagal berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawal selia yang diiktiraf.

(5) Gagal mengemas kini maklumat syarikat/firma Perunding

Syarikat/firma perunding gagal mengemaskini apa-apa perubahan maklumat dalam Modul Pendaftaran Pembekal dalam tempoh 21 hari dari tarikh perubahan tersebut berlaku. Ini juga termasuk kegagalan syarikat/firma perunding mengemaskini pegangan ekuiti Bumiputera.

(6) Tidak memberi kerjasama dalam hal-hal urusan pendaftaran

Pemilik/Lembaga Pengarah/pengurusan syarikat/firma perunding tidak memberi kerjasama kepada pegawai Kementerian Kewangan dalam menjalankan tugas berkaitan dengan urusan pendaftaran.

(b) Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Tender/ Kontrak

Agensi hendaklah mentadbir kontrak dengan sempurna untuk memastikan syarikat/firma perunding memenuhi semua obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani. Sehubungan itu, Agensi hendaklah mengambil tindakan ke atas syarikat/firma perunding mengikut syarat-syarat kontrak sekiranya syarikat/firma perunding gagal memenuhi obligasinya. Selain daripada tindakan tersebut, kesalahan yang boleh diambil tindakan tatatertib adalah seperti berikut:

(1) Pemalsuan Maklumat/Dokumen

Syarikat/Firma perunding telah memalsukan atau meminda apa-apa maklumat/sijil/dokumen yang berkaitan perolehan Kerajaan bagi memenuhi syarat yang ditetapkan untuk menyertai perolehan Kerajaan atau syaratkontrak.

(2) Menarik diri

Syarikat/Firma perunding yang telah pun menyertai perolehan Kerajaan seperti tender/sebut harga/eBidding yang dikeluarkan oleh Agensi tetapi menarik diri selepas penutupan tender/sebut harga/eBidding.

(3) Menolak tawaran

Syarikat/firmaperunding enggan menerima atau menolak atau tidak memulangkan surat setuju terima tender/sebut harga/eBidding yang dikeluarkan oleh Agensi setelah tawaran dibuat.

(4) Pakatan harga

Syarikat/Firma perunding berpakat menentukan harga dengan syarikat/firma perunding lain ketika menyertai perolehan Kerajaan seperti tender/sebut harga/eBidding yang dikeluarkan oleh Agensi dengan tujuan mendapatkan harga yang tinggi atau untuk menjamin syarikat/firma perunding tertentu sahaja memenangi tender/sebut harga/eBidding berkenaan.

(5) Sub-kontrak atau assignment

Syarikat/Firma perunding menyerahkan hak atau assign kepada syarikat/firma perunding lain tugas membekal, membuat atau menjalankan perkhidmatan untuk keseluruhan atau sebahagian daripada kuantiti kontrak/sebut harga/skop perkhidmatan yang diperoleh tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Agensi yang terlibat.

(6) Gagal mengekalkan taraf Bumiputera sepanjang tempoh kontrakberkuatkuasa

Syarikat yang diberitaraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan dan telah ditawarkan kontrak tetapi kemudiannya tidak mematuhi/memenuhi syarat kriteria Bumiputera sepanjang tempoh kontrak.

(7) Gagal mematuhi ObligasiKontrak/Pesanan Kerajaan

Syarikat/Firma perunding telah gagal mematuhi obligasi kontrak/pesanan Kerajaan sama ada melibatkan satu (1) atau beberapa Agensi. Kesalahan di bawah kegagalan mematuhi obligasi kontrak/ Pesanan Kerajaan antaranya adalah seperti berikut:

(i) Lewat memberi bekalan/perkhidmatan

Syarikat/Firma perunding lewat menghantar bekalan atau lewat memberikan perkhidmatan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kontrak atau Pesanan Kerajaan;

(ii) Gagal memberi bekalan/perkhidmatan

Syarikat/Firma perunding membekalkan barang-barang/memberikan perkhidmatan kurang dari segi kuantiti/perkhidmatan yang dipersetujui atau gagal membekalkan pesanan yang telah dibuat;

(iii) Gagal memberi bekalan/perkhidmatan berkualiti

Syarikat/Firma perunding gagal membekalkan barang-barang/memberikan perkhidmatan yang berkualiti;

(iv) Gagal menepati spesifikasi

Barang-barang atau perkhidmatan dibekal/ diberi oleh syarikat tidak menepati spesifikasi seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak atau Pesanan Kerajaan; dan

(v) Gagal menepati Terma Rujukan (TOR)/skop kerja perunding

Bagi perkhidmatan perunding, output yang diberikan oleh firma perunding gagal menepati Terma Rujukan atau skop kerja yang ditetapkan.

(vi) Kesalahan berkaitan kapasiti firma perunding

Kesalahan yang berkaitan dengan kakitangan firma perunding antaranya adalah seperti berikut:

- (1) Firma perunding menghantar kakitangan yang kurang berpengalaman untuk berurusan dengan Agensi Kerajaan;
- (2) Firma perunding menggantikan perkhidmatan kakitangan yang diluluskan oleh Agensi dengan kakitangan lain tanpa kelulusan Agensi; dan
- (3) Firma perunding menggunakan perkhidmatan perunding asing tanpa kelulusan Agensi dan Perbendaharaan terlebih dahulu.

(vii) Tidak membuat pembaharuan pendaftaran

Syarikat/firma perunding masih mempunyai kontrak semasa dan tidak membaharui pendaftaran sebelum tamat tempoh pendaftaran. Kesalahan ini juga termasuk bagi firma perunding yang tidak membuat pembaharuan pendaftaran dengan Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawalan yang diiktiraf.

(c) Kesalahan Jenayah dan Tanggungan Sivil**(1) Kesalahan jenayah**

Syarikat/firma perunding atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau mana-mana ahli pengurusan telah melakukan jenayah dan disabitkan oleh mahkamah. Di antara kesalahan jenayah tersebut adalah rasuah, penipuan dan pecah amanah.

(2) Tanggungan sivil

Syarikat/Firma perunding telah mengalami tanggungan sivil seperti berikut:

- (i) Syarikat/Firma perunding yang dikenakan perintah Penghutang Penghakiman (*Judgment Debtor*) termasuk penguatkuasaan yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa;
- (ii) Syarikat/pemilik/pengurusan yang telah diisytiharkan bankrap oleh mana-mana mahkamah; dan
- (iii) Syarikat/firma perunding yang diletakkan di bawah perintah Penerimaan (*Receivership*) atau Pelikuidasi (*Liquidation*).

2. Jenis-Jenis Tindakan/Hukuman Tatatertib

Jenis-jenis tindakan/hukumantatatertib yang boleh diambil oleh Kementerian Kewangan bagi jenis-jenis kesalahan di perenggan 1. (i) di atas adalah seperti berikut:

(i) Surat amaran

Syarikat/firma perunding diberi surat amaran ke atas kesalahan yang telah dilakukan.

(ii) Batal kod bidang

Kod bidang yang telah diluluskan kepada syarikat/firma perunding boleh dibatalkan. Pembatalan ini akan menyebabkan syarikat/firma perunding tidak lagi boleh menyertai atau menerima tawaran dari

Agensi Kerajaan bagi kod- kod bidang yang telah dibatalkan itu. Kesemua jenis bayaran pendaftaran yang telah dijelaskan oleh syarikat/firma perunding yang dibatalkan pendaftarannya tidak akan dipulangkan semula.

(iii) Gantung pendaftaran

Syarikat/firma perunding boleh dikenakan tindakan gantung pendaftaran bagi tempoh maksimum sehingga lima(5) tahun dandilarang daripada menyertai atau menerima apa-apa tawaran yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan sepanjang tempoh penggantungan berkuat kuasa. Kesemua ahli Lembaga Pengarah dan pemilik modal (perseorangan/perkongsian) tidak dibenarkan untuk mendaftarkan syarikat baru dengan Kementerian Kewangan sepanjang tempoh tersebut.

(iv) Batal pendaftaran

Pendaftaran syarikat/firma perunding boleh dibatalkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun dan nama syarikat/firma perunding akan dikeluarkan daripada rekod pendaftaran dengan Kementerian Kewangan termasuk disebabkan nama ahli-ahli Lembaga Pengarah disenarai hitamkan. Kesemua jenis bayaran pendaftaran yang telah dijelaskan oleh syarikat/firma perunding yang dibatalkan pendaftarannya tidak akan dipulangkan semula.

(v) Pemilikmodal/ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat/firma perunding disenaraihitamkan

Syarikat/Firma perunding yang mana pemilik modal atau ahli Lembaga Pengarah telah disenaraihitamkan yang memohon pendaftaran tidak akan didaftarkan sebagai syarikat/firma perunding yang boleh berurusan dalam perolehan Kerajaan. Sekiranya syarikat/firma perunding berkenaan telah sedia berdaftar,maka pendaftaran syarikat/firma perunding akan turut dibatalkan. Pemilik modal/ahli Lembaga Pengarah boleh disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima(5) tahun.

(vi) Pembatalan taraf Bumiputera/pembuat

Taraf Bumiputera atau taraf pembuat boleh dibatalkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun apabila didapati syarikat tidak lagi memenuhi syarat/kriteria pendaftaran yang ditetapkan.Syarikat seterusnya tidak lagi layak dipertimbangkan untuk mendapat keutamaan yang diberikan kepada syarikat bertaraf Bumiputera/ pembuat dalam perolehan Kerajaan.

3. Tindakan Oleh Agensi

- (i) Agensi hendaklah terlebih dahulu mengambil tindakan ke atas syarikat/firma perunding berkenaan mengikut terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam perjanjian kontrak. Agensi hendaklah memastikan pentadbiran kontrak dilaksanakan dengan cekap dan teliti. Aduan hanya boleh dikemukakan kepada Kementerian Kewangan selepas agensi mengambil tindakan berdasarkan perjanjian kontrak. Agensi bertanggungjawab untuk segera melaporkan kepada Kementerian Kewangan mengenai syarikat/firma perunding yang melanggar syarat-syarat kontrak bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.
- (ii) Agensi hendaklah memastikan pendaftaran syarikat/firma perunding dengan Kementerian Kewangan adalah masih sah dan syarikat/firma perunding bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tatatertib diperenggan 2 di atas sebelum membenarkan syarikat berkenaan mengambil bahagian di dalam perolehan Agensi. Sehubungan itu, Agensi hendaklah menyemak Sijil Aduan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bagi syarikat/firma perunding berkenaan dengan merujuk kepada sistem ePerolehan untuk mengesahkan pendaftaran syarikat/firma perunding tersebut.
- (iii) Agensi hendaklah memastikan syarikat adalah bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tatatertib semasa membuat pertimbangan bagi kontrak baru serta termasuk perubahan dan pelanjutan kontrak bagi kontrak yang sedang berkuatkuasa dengan syarikat/firma perunding berkenaan.

4. Aduan Oleh Agensi/Pengadu

Agensi/pengadu hendaklah melaporkan kesalahan-kesalahan syarikat/firma perunding kepada Kementerian Kewangan. Aduan mengenai kesalahan tersebut hendaklah disertakan dengan bukti-bukti dan dokumen-dokumen yang menyokong bahawa kesalahan telah dilakukan oleh syarikat/firma perunding. Aduan berkenaan hendaklah dibuat melalui borang aduan seperti di [Lampiran 8.1](#) [Borang KKM-BA(2010)] dan dikemukakan ke Kementerian Kewangan di alamat seperti di [Lampiran 8.2](#).

LAMPIRAN

Borang KKM - BA (2010)

BORANG ADUAN KE ATAS SYARIKAT/FIRMA PERUNDING YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

NO. DAFTAR KES :

(Untuk kegunaan pejabat)

A. BUTIRAN PENGADU

- 1. Nama :
- 2. No. Kad Pengenalan : Jantina: L P
- 3. Nama Agensi * :
- 4. Nama Bahagian/Seksyen/Unit *:
- 5. Alamat :
- 6. Pekerjaan/Jawatan :
- 7. No. Telefon : (R) (P) (HP)
- 8. E-mel :
- 9. Negeri pengadu : Semenanjung Sabah Sarawak

B. BUTIRAN SYARIKAT/FIRMA PERUNDING YANG DIADU:

- 1. Nama Syarikat/Firma Perunding :
- 2. No. Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia * :
- 3. No. Pendaftaran SSM/Pendaftar Pertubuhan/Koperasi :

C. BUTIRAN ADUAN

Sila huraikan aduan di ruangan di bawah. Nyatakan juga tindakan yang telah diambil sekiranya ada.

- 1. Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Pendaftaran :

.....
.....
.....

(Sila kepilkan lampiran jika ruang huraian aduan tidak mencukupi)

Nota: Sila kemukakan maklumat yang berkaitan

- 2. Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Tender/kontrak :

.....
.....
.....

(Sila kepilkan lampiran jika ruang huraian aduan tidak mencukupi)

Nota: Sila kemukakan maklumat-maklumat seperti kesalahan syarikat, tindakan Agensi berdasarkan klausa kontrak seperti surat peringatan, penarikan bon pelaksanaan, LAD, denda lewat, keputusan penamatan kontrak Jawatankuasa Sebutharga / Lembaga Perolehan Agensi, kronologi dan lain-lain yang berkaitan

3. Kesalahan Jenayah Dan Tanggungan Sivill

.....
.....
.....

(Sila kepilkan lampiran jika ruang huraian aduan tidak mencukupi)

Nota: Sila kemukakan keputusan Mahkamah dan maklumat lain yang berkaitan

Saya mengaku bahawa segala maklumat diri dan aduan yang dikemukakan oleh saya adalah benar dan saya bertanggungjawab ke atasnya.

Tandatangan:

(Nama: _____)
Tarikh:

NOTA:

- i. **Semua butiran adalah wajib diisi.** Butiran yang bertanda * adalah **wajib** diisi hanya bagi aduan daripada **Agensi Kerajaan**.
- ii. Tandakan \checkmark dalam kotak yang berkenaan.
- iii. Aduan hendaklah dihantar ke Kementerian Kewangan seperti alamat di Lampiran 2.
- iv. Sekiranya dokumen/maklumat penting yang dikemuka tidak lengkap, Kementerian Kewangan tidak akan meneruskan tindakan tatatertib ke atas syarikat yang dilaporkan.

Alamat Aduan

Pihak Yang Diadu	Alamat Kementerian Kewangan
i) Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di Semenanjung Malaysia ii) Firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan	Ketua Setiausaha Perbendaharaan Bahagian Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan Aras Bawah, Blok Utara Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62592 PUTRAJAYA (u.p.: Unit Pendaftaran Syarikat) Tel. No : 03 88823000/3166 Faks No. : 03 88824337/4206
i) Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di Sabah	Pegawai Kewangan Persekutuan Perbendaharaan Malaysia Sabah Tingkat 2, Rumah Persekutuan Jalan Mat Salleh 88592 Kota Kinabalu SABAH (u.p.: Unit Pendaftaran Kontraktor) Tel. No : 088 - 243993 Faks No. : 088 - 240020
i) Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di Sarawak	Pegawai Kewangan Persekutuan Perbendaharaan Malaysia Sarawak Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang 3 93592 Kuching SARAWAK (u.p.: Unit Pendaftaran Kontraktor) Tel. No : 082 - 421333 Faks No. : 082 - 424489